



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-31**

**Laporan Pencapaian Objektif Kualiti ISMS
(Januari hingga Disember 2016)**

TUJUAN

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Ke-31 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan pencapaian objektif dan sasaran keselamatan maklumat (ISMS) bagi tempoh Januari hingga Disember 2016.

LAPORAN PENCAPAIAN

2. Objektif Keselamatan Maklumat dibangunkan bersesuaian dengan fungsi yang terlibat bagi memastikan semua data dan maklumat di UPM adalah selamat. Untuk memastikan Sistem pengurusan Keselamatan maklumat (ISMS) dilaksanakan dengan berkesan, ianya dikenalpasti melalui lima (5) objektif seperti berikut:

- (a) Memastikan semakan penilaian risiko dan pelan pemulihan risiko dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun;
- (b) Menjalankan ujian simulasi pelan pemulihan bencana ICT sekurang-kurangnya sekali setahun;
- (c) Memastikan 95% sokongan ICT (rangkaiannya, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan pada setiap semester;
- (d) Memastikan 100% pelajar yang mendaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran; dan
- (e) Memastikan 100% borang permohonan kad pelajar yang diterima diisi dengan lengkap.

Perincian laporan pencapaian objektif keselamatan maklumat bagi tempoh Januari hingga Disember 2016 adalah seperti pada **Lampiran 1**. Kesemua 5 objektif keselamatan maklumat tahun 2016 telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

SYOR

3. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti diminta:

- (a) mengambil maklum laporan pencapaian objektif dan sasaran keselamatan maklumat tahun 2016 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.
- (b) mengambil perhatian pencapaian objektif ISMS perlu diukur dan dipantau secara berkala iaitu sebanyak dua (2) kali setahun oleh setiap Peneraju ISMS;



MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-31
LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS ISO/IEC 27001 (JANUARI - DISEMBER 2016)

BIL	OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT	SASARAN	PYB	PENCAPAIAN 2016	CATATAN
1.	Memastikan semakan penilaian risiko dan plan pemulihan risiko dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun	Sekali setahun	Jawatankuasa Kerja ISMS	1 kali (Dilaksanakan pada 16 Jun 2016)	-
2.	Menjalankan ujian simulasi plan pemulihan bencana ICT sekurang-kurangnya 1 kali setahun	Sekali setahun	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	1 kali (Dilaksanakan pada 24 Jun 2016)	-
3.	Memastikan sokongan ICT (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi/ Bahagian Hal Ehwal Pelajar	Sistem Aplikasi - 98.6% Rangkaian - 100%	-
4.	Memastikan pelajar yang berdaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran	100%	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	100%	-
5.	Memastikan borang permohonan kad pelajar yang diterima diisi dengan lengkap	100%	Bahagian Keselamatan	100%	-